



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	06/06/2012

Dr Mahathir yakin MAS masih berdaya saing

: AHMAD IRHAM MOHD NOOR | BERITA HARIAN

SEPANG: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yakin Penerbangan Malaysia (MAS) berupaya membuktikan ia masih berdaya saing dalam pasaran semasa antarabangsa dengan pembelian pesawat terbarunya, Airbus 380 (A380).

Sehubungan itu, Dr Mahathir menegaskan, MAS perlu meningkatkan mutu perkhidmatan seiring dengan kemantapan pesawat terbarunya itu sebagai pilihan terbaik kepada penumpang.

"Kita mempunyai pesawat terbaik dalam dunia, tinggal lagi (cuma) untuk bersaing, bukan saja dari segi perkhidmatan kabin tetapi juga dari segi ketepatan masa, keberkesanan dan keunggulan perlu diteliti pihak pengurusan.

"Walaupun saiznya lebih besar berbanding pesawat Boeing 747, pesawat ini bersifat ekonomikal (jimat) kerana penerbangannya lebih murah dan menggunakan kos minimum untuk sesuatu penerbangan," katanya ketika ditemui pemberita, di sini semalam.

Terdahulu, beliau bersama 494 penumpang pesawat A380 termasuk wakil media, melakukan penerbangan *joyride* dari Lapangan Ter-



DR MAHATHIR bermesra dengan penumpang pesawat A380 ketika penerbangan dari KLIA ke Pulau Langkawi, semalam.

bang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Pulau Langkawi sebelum berpatah balik ke KLIA, di sini.

Turut hadir, Pengerusi MAS, Tan Sri Mohd Nor Yusof dan Ketua Pegawai Eksekutif MAS, Jauhari Yahya dan Ketua Pengalaman Pelanggan MAS, **Datuk Mohd Salleh**

Ahmad Tabrani.

Mohd Salleh berkata, untuk sementara waktu, pesawat baru itu beroperasi tiga kali seminggu bagi penerbangan dari KLIA ke London sebelum ketibaan pesawat baru.

"Apabila pesawat kedua yang dijangka sampai pada Ogos ini, kita

akan melakukan penerbangan ke London setiap hari.

"Kemudian, dengan ketibaan pesawat ketiga pula yang dijangka pada November depan, pesawat terbabit akan melakukan penerbangan ke Sydney, Australia setiap hari," katanya.